



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368000
Bil. : KEW 100-4/4 JLD.10
Tarikh : 1 Disember 2022

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL. 6/2022:

**GARIS PANDUAN TERIMAAN HASIL NEGERI SECARA ELEKTRONIK MELALUI
KAEDAH TANPA TUNAI (CASHLESS)**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada semua Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab untuk memungut hasil Kerajaan Negeri mengenai peraturan dan pelaksanaan pungutan hasil negeri secara elektronik melalui kaedah tanpa tunai iaitu Terminal Kad Pembayaran (*Point-Of-Sale-POS*), Perbankan Internet, Perbankan Mudah Alih, e-Dompet dan Portal Kementerian / Jabatan. (Sila rujuk **Lampiran I** untuk tafsiran lanjut.)

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bilangan 01/2022 bertarikh 25 Februari 2022 mengenai "Menambah Baik Pengurusan Pungutan Hasil Kerajaan Negeri".

“SABAH MAJU JAYA”



- 2.2 Antara perkara yang dibangkitkan dalam surat pekeliling tersebut adalah mengenai **kaedah pembayaran dan digitalisasi**. Selain perkhidmatan kaunter pembayaran yang telah disediakan, sebaik-baiknya kaedah lain seperti pembayaran secara digital hendaklah disediakan untuk memudahkan pembayaran, jika sesuai.
- 2.3 Jabatan pemungut hasil yang menyediakan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai dikehendaki mendapat syor Jabatan Bendahari Negeri terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan.

3. PELAKSANAAN TERIMAAN SECARA ELEKTRONIK MELALUI KAEDAH TANPA TUNAI (*CASHLESS*)

3.1 Portal Kementerian / Jabatan

3.1.1 Terimaan melalui portal atau aplikasi mudah alih Kementerian / Jabatan dilaksanakan dengan menggunakan:

- (i) *Electronic Fund Transfer (EFT)* - pindahan dana daripada akaun bank pembayar sahaja.
- (ii) *Financial Process Exchange (FPX)* - portal Kementerian / Jabatan.
- (iii) *Card payments* - pembayaran melalui kad debit / kredit pembayar.

3.1.2 Kementerian / Jabatan perlu merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri sekiranya hendak melaksanakan terimaan hasil melalui Portal Kementerian / Jabatan masing-masing.

3.2 Perbankan internet dan perbankan mudah alih

Terimaan melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih dilaksanakan dengan menggunakan pindahan dana daripada akaun bank pembayar secara *Electronic Fund Transfer – EFT*, kad debit, kad kredit atau JomPAY.

3.3 Terminal Kad Pembayaran (*Point-Of-Sale - POS*)

Terimaan di terminal POS dilaksanakan menggunakan kad kredit, kad debit dan kad caj yang dikeluarkan oleh institusi kewangan tempatan / luar negara.

3.4 e-Dompot

3.4.1 Terimaan melalui portal Kementerian / Jabatan dan di kaunter dilaksanakan dengan menggunakan aplikasi berasaskan laman sesawang atau aplikasi mudah alih.

3.4.2 Pelaksanaan transaksi melalui portal atau di kaunter Kementerian / Jabatan dengan pelbagai saluran meliputi pembayaran dalam aplikasi, kod QR serta lain - lain teknologi terkini.

- 3.4.3 Kementerian / Jabatan perlu menyediakan kelengkapan peralatan yang sesuai bagi tujuan operasi di kaunter dan portal melalui laman web yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tanpa dikenakan sebarang caj kepada pihak Kerajaan.
- 3.4.4 Had pindahan wang harian adalah mengikut nilai transaksi yang dibenarkan dan dipersetujui oleh penyedia perkhidmatan.

4. CAJ PERKHIDMATAN

- 4.1 Caj perkhidmatan melalui mod bayaran EFT, JomPAY, POS dan e-Dompet ditanggung oleh kerajaan seperti di Jadual 1.
- 4.2 Kadar caj perkhidmatan yang ditetapkan di Jadual 1 adalah merangkumi pembekalan, penyelenggaraan dan peningkatan / naik taraf perisian terminal yang perlu disediakan oleh pihak Bank / penyedia perkhidmatan tanpa caj tambahan. Walau bagaimanapun caj bagi talian telefon dan internet perlu ditanggung oleh Kementerian / Jabatan yang terlibat.
- 4.3 Selain daripada caj perkhidmatan tersebut di Jadual 1, tiada caj lain boleh dikenakan oleh pihak Bank / penyedia perkhidmatan kepada kerajaan.

Jadual 1

Pelaksanaan Terimaan	Mod Terimaan	Kadar Caj Perkhidmatan
Portal Kementerian / Jabatan	EFT	Tidak melebihi RM0.50 bagi setiap transaksi
	C2G (<i>Customer to Government</i>)	
	B2G (<i>Business to Government</i>)	Tidak melebihi RM1.00 bagi setiap transaksi
	Kad Debit/Kredit	Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi
	Kad Caj	Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi
Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih	EFT	Tidak melebihi RM0.50 bagi setiap transaksi
	C2G (<i>Customer to Government</i>)	
	B2G (<i>Business to Government</i>)	Tidak melebihi RM1.00 bagi setiap transaksi
	JomPAY	Tidak melebihi RM0.40 bagi setiap transaksi
	Kad Debit/Kredit	Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi
	Kad Caj	Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi
Terminal Kad Pembayaran (POS)	Kad Debit	Tidak melebihi 0.5% atas nilai transaksi
	Kad Kredit	Tidak melebihi 0.9% atas nilai transaksi
	Kad Caj	Tidak melebihi 0.9% atas nilai transaksi
e-Dompet	e-Dompet	Tidak melebihi 0.5% atas nilai transaksi

4.4 Kementerian / Jabatan hendaklah menyediakan peruntukan bagi menanggung caj perkhidmatan yang dikenakan.

4.5 Jika terimaan diakaunkan di Jabatan Mengakaun Sendiri maka Kementerian / Jabatan terlibat akan menyediakan peruntukan untuk menanggung caj perkhidmatan. Manakala bagi terimaan di Jabatan Bendahari Negeri Sabah dan Bendahari Cawangan peruntukan akan disediakan oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

5. SYARAT PELANTIKAN INSTITUSI KEWANGAN (BANK) / PENYEDIA PERKHIDMATAN

5.1 Bank / penyedia perkhidmatan yang telah memperolehi kelulusan daripada Bank Negara Malaysia ("BNM") seperti yang tersenarai dalam laman sesawang BNM adalah layak.

5.2 Bank / penyedia perkhidmatan hendaklah mempunyai ibu pejabat atau tempat perniagaan utamanya di Malaysia serta di bawah kawalan tempatan.

5.3 Bank hendaklah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].

5.4 Penyedia perkhidmatan hendaklah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] atau Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618] atau ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

5.5 Bagi memeterai perjanjian di antara Kementerian / Jabatan dengan Bank / penyedia perkhidmatan, Kementerian / Jabatan tersebut hendaklah merujuk kepada Jabatan Peguam Besar Negeri untuk tujuan penyemakan perjanjian.

6. PERAKAUNAN TERIMAAN

6.1 Bank / penyedia perkhidmatan yang dilantik untuk mengendalikan pungutan hasil secara elektronik hendaklah menyerahkan amaun kasar yang dipungut kepada Kementerian / Jabatan yang terlibat tanpa menolak apa-apa caj yang dikenakan.

6.2 Bank / penyedia perkhidmatan hendaklah mengemukakan tuntutan melalui invois bagi bayaran caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas kerajaan kepada Kementerian / Jabatan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah atau Bendahari Cawangan atau Jabatan Mengakaun Sendiri yang mana berkenaan.

6.3 Laporan Urus niaga Harian (LUH) hendaklah disediakan oleh pihak bank / penyedia perkhidmatan dan boleh dimuat turun oleh Kementerian / Jabatan.

- 6.4 Semua Kementerian / Jabatan yang memungut hasil hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan Bilangan 60 hingga 91 berhubung proses dan cara perakaunan hasil / terimaan. Pekeliling berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah dari semasa ke semasa hendaklah juga sentiasa dirujuk dan dipatuhi.

7. TEMPOH PINDAHAN WANG

- 7.1 Bank / penyedia perkhidmatan hendaklah memindahkan terimaan yang dipungut kepada Akaun Terimaan Kerajaan dalam tempoh satu hari bekerja selepas hari transaksi (T+1).
- 7.2 Amaun pindahan wang oleh Bank / penyedia perkhidmatan hendaklah bersamaan dengan LUH.
- 7.3 Sekiranya Bank / penyedia perkhidmatan gagal memindahkan pungutan hasil kepada Akaun Terimaan Kerajaan dalam tempoh yang ditetapkan, penalti akan dikenakan pada kadar 4% atas nilai transaksi bagi bilangan hari lewat kepada Bank / penyedia perkhidmatan.
- 7.4 Bank / penyedia perkhidmatan adalah bertanggungjawab ke atas sebarang risiko kehilangan sebelum pindahan wang dibuat kepada Akaun Terimaan Kerajaan.

8. TRANSAKSI YANG DIPERTIKAIKAN

- 8.1 Sekiranya Kementerian / Jabatan atau Bank / penyedia perkhidmatan menerima aduan mengenai transaksi yang tidak sah atau yang dipertikaikan, kedua-dua pihak hendaklah berbincang dan memastikan tindakan penyelesaian yang sesuai diambil.
- 8.2 Pertikaian tersebut juga boleh dikemukakan secara terus kepada unit aduan Bank / penyedia perkhidmatan. Butiran unit aduan Bank / penyedia perkhidmatan boleh diperolehi melalui laman web rasmi BNM.
- 8.3 Sekiranya Kementerian / Jabatan tidak berpuas hati dengan cadangan penyelesaian pertikaian daripada unit aduan tersebut, Kementerian / Jabatan boleh memanjangkan isu tersebut kepada BNM melalui laman web <https://telelink.bnm.gov.my/> disertakan dengan salinan cadangan penyelesaian pertikaian tersebut.

9. TARIKH KUATKUASA

9.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta bermula tarikh ia dikeluarkan.

10. PENUTUP

Semua Kementerian / Jabatan pemungut hasil hendaklah memastikan terimaan secara elektronik dapat memudahkan pembayaran, mengoptimumkan pungutan hasil, mengurangkan tunggakan hasil kerajaan dan meningkatkan sistem penyampaian negeri ke arah kerajaan digital.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR]

Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan

s.k KEW.400-14/5/JLD.2

LAMPIRAN I

TAFSIRAN

1. Terminal Kad Pembayaran (*Point-Of-Sale* - POS)

Terminal elektronik yang membenarkan pendebitan / pengkreditan Akaun Kad Pembayaran Pelanggan.

2. Perbankan Internet

Pembayaran melalui portal bank bagi urusan kerajaan.

3. Perbankan Mudah Alih

Pembayaran melalui aplikasi bank dengan menggunakan peranti mudah alih bagi urusan kerajaan.

4. Portal Kementerian atau Jabatan

Pembayaran melalui portal rasmi Kementerian / Jabatan bagi urusan kerajaan termasuk aplikasi mudah alih yang disediakan oleh Kementerian / Jabatan.

5. e-Dompot

Dikenali juga sebagai *e-wallet* merupakan satu sistem pembayaran elektronik berfungsi seperti akaun bank, wang simpanan, kad debit atau kredit dalam satu rangkaian dengan menggunakan aplikasi mudah alih untuk tujuan pembayaran.

6. Penyedia Perkhidmatan

Syarikat berlesen yang menyediakan perkhidmatan bayaran kepada pengguna atau organisasi.